

Penyesuaian diri cabaran diaspora

MENJADI pendatang di negara orang bukan mudah, apatah lagi jika negara itu mempunyai undang-undang yang ketat. Namun, desakan hidup memerlukan golongan itu untuk tabah dalam mengharungi kehidupan di tempat asing.

Pengarah Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia, Dr. Zaid Ahmad berkata, diaspora merujuk kepada penghijrahan atau meninggalkan tanah air.

“Pelbagai faktor yang

mengakibatkan diaspora, sebagai contoh peperangan, bencana alam, keadaan ekonomi dan pendidikan.

“Bagi kumpulan-kumpulan diaspora, mereka menghadapi pelbagai proses penyesuaian diri ke dalam persekitaran sosial dan budaya yang baharu seperti integrasi, asimilasi, akulturasi dan amalgamasi,” katanya kepada *K2*



ZAID

ketika dihubungi di sini baru-baru ini.

Menurut Zaid, setiap generasi diaspora akan menghadapi cabaran yang berbeza.

“Generasi pertama kena berhadapan dengan cabaran kelangsungan hidup, pada masa yang sama berdepan kesukaran mengadaptasi persekitaran sosial dan budaya.

“Generasi kedua dan seterusnya

beransur mengadaptasi melalui proses sosialisasi dengan masyarakat tempatan, namun begitu isu identiti selalunya menjadi cabaran besar yang mana golongan tersebut perlu memilih antara mengekalkan identiti dan budaya asal dengan penyerapan budaya, bahasa dan identiti baharu yang kadangkala terlalu asing,” tambahnya.

Justeru, katanya, masa menjadi faktor penting berlakunya proses adaptasi melalui interaksi dengan masyarakat setempat.